

**Bahasa Melayu bahasa ASEAN
Utusan Online
October 30, 2011**

BERA 29 Okt. - Bahasa Melayu wajar dijadikan bahasa rasmi ASEAN memandangkan lebih 350 juta penduduk di Asia Tenggara bertutur dalam bahasa tersebut secara meluas, kata Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan , Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Menurutnya, selain rakyat Indonesia, Malaysia dan Brunei, sebahagian daripada penduduk di selatan Thailand, Vietnam dan Kemboja turut menggunakan bahasa Melayu dalam urusan harian mereka sejak sekian lama.

"Oleh itu wajar ia dijadikan sebagai bahasa ASEAN. Saya berharap pejuang bahasa di negara ini dapat mempelopori dan memperjuangkan agar bahasa Melayu dapat dijadikan bahasa rasmi bagi ASEAN," katanya.

Ismail Sabri yang juga Ahli Parlimen Bera berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pelancaran Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 peringkat daerah Bera di sini hari ini.

Sementara itu, kata beliau, walaupun rakyat China, Jepun dan Korea menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi di peringkat antarabangsa, tetapi untuk urusan rasmi, mereka tetap menggunakan bahasa ibunda masing masing.

Justeru tambah beliau, negara ini perlu menggunakan bahasa Melayu ketika berurusan kerana ia merupakan salah satu cara bagi mendaulatkan bahasa kebangsaan.

Sehubungan itu, beliau meminta pihak berkuasa tempatan (PBT), sekolah, jabatan dan agensi kerajaan supaya mengutamakan bahasa Melayu dalam berurusan.

"Sepatutnya setelah 54 tahun kita merdeka, maka tidak ada lagi rakyat yang tidak fasih menggunakan bahasa Melayu.

"Malah bahasa Melayu mempunyai nilai-nilai ekonomi dan ilmu apabila ia digunakan dalam urusan perdagangan dengan beberapa buah kerajaan seperti China, India dan Arab pada era kegemilangan Kerajaan Melayu Melaka," katanya.

Beliau yakin jika semua pihak bersungguh-sungguh mempraktikkan bahasa Melayu, tidak ada sebab ia tidak boleh dituturkan secara meluas seperti mana bahasa Inggeris dan Arab.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1030&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_19.htm